


MENCIPTA KEHIDUPAN DAMAI dalam konsep natural

PENYELARAS / PENULIS : TEH ROHAYA YUSOF FOTOGRAFI : MAZLAN YUNOS

PERSEKITARAN SUNYI DAN CUACA PANAS TERASA AGAK TERIK KERANA TIDAK ADA POKOK-POKOK BESAR SEBAGAI TEDUHAN, TAPI SUASANA BEGINI ADALAH BIASA BAGI KAWASAN PERUMAHAN BARU. RUMAH YANG HENDAK DIPAPARKAN DALAM RUANG INTERIOR KALI INI IALAH SEBUAH RUMAH CONTOH. INI MERUPAKAN KALI KEDUA MAJALAH IMPIANA MEMAPARKAN RUMAH CONTOH DAN LEBIH MENEKANKAN KEPADA GAYA HIASAN DALAMAN RUMAH.





LOKASI yang kami kunjungi ini ialah rumah contoh Desa Damai di kawasan perumahan Alam Damai. Terletak di lot tepi, rumah jenis apartmen dua tingkat, seluas 1,076 kaki persegi ini mendapat sentuhan gaya oleh pereka hiasan dalaman dari Cadossa Sdn Bhd. Apa yang cuba dibawa oleh pereka ke dalam rumah ini ialah gaya Malaysia yang memperlihatkan unsur tradisional dan etnik serta digabungkan dengan sedikit sentuhan kontemporari.

GABUNGAN DUA KONSEP

Kemasan perabot dari kayu jati mengisi hampir keseluruhan ruang rumah. Gandingan sofa fabrik bermotif halus, American sofa dan bangku kayu beranyam rotan mengisi ruang tamu. Meja kopi kayu dari Indonesia sengaja dipilih oleh pereka untuk menjelaskan sentuhan etnik yang cuba diberi kepada ruang ini. Supaya tidak nampak sarat, tingkap kaca berpanel hanya dihiasi sheer selapis dengan rekabentuk yang ringkas. Jambangan heliconia di sudut ruang memberi sentuhan segar yang menyejukkan pandangan.

Menurut pereka, pertembungan dua elemen iaitu etnik tradisional dan kontemporari dipilih untuk disesuaikan dengan klimaks dan persekitaran. Tonasi warna lembut dan semulajadi yang melatari ruang ini pula nampak harmoni dan segar untuk dipadankan dengan konsep ini. Istimewanya konsep campuran begini ialah ia nampak lebih natural dan tahan lama kerana tidak mengikut trend atau tempoh tertentu.

REKABENTUK SOFA YANG RINGKAS TETAPI SEDIKIT KLASIK DI RUANG TAMU INI BERJAYA MEWUJUDKAN TEMA ETNIK TRADISIONAL DAN MODEN YANG CUBA DITINJOLKAN OLEH PEREKA.



Ruang lantai yang berkonsep terbuka seperti apartmen ini memerlukan kreativiti dan kebijaksanaan dalam memilih perabot dan menyusun kedudukannya. Ini penting supaya keluasan yang terhad dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk keselesaan tuan rumah. Ruang makan yang berkongsi lantai dengan ruang tamu hanya diisi dengan set meja makan bulat untuk empat orang. Kedudukan ruang ini adalah selari dengan bahagian dapur. Bukan seperti kaunter menjadi pemisah antara kedua-dua ruang ini. Dari dapur, pandangan selari terus ke ruang makan dan ruang tamu.

Ruang lanai yang menganjur dari ruang makan, menjadikan rekabentuk dalaman rumah ini lebih menarik dan luas. Ruang lanai ini digayakan ringkas dengan hanya meletakkan kerusi solo dan kerusi malas anyaman rotan. Warna beige menguasai ruang yang dapat dilihat pada fabrik langsir dan kusyen serta permaidani. Tatahias ringkas menjadikan ruang ini sudut yang sesuai untuk keluarga berkumpul dan berehat. Lanai ini juga sesuai untuk dijadikan ruang menonton keluarga yang selesa.

Ruang dapur berbentuk memanjang kelihatan kemas dan selesa dengan binaan kabinet berwarna cerah. Lantai terracotta berwarna cerah membiaskan pantulan cahaya yang lebih terang apabila dikelilingi dinding marmar berwarna kelabu. Ini mewujudkan ilusi persekitaran yang lebih lapang, selesa dan menyenangkan. Tingkap kecil hanya dipasang bidai untuk mengekalkan gaya sederhana dan ringkas di ruang ini. Menganjur ke belakang, terdapat juga ruang untuk membasuh pakaian atau dijadikan dapur basah. Biar pun agak sempit, tetapi masih selesa untuk melakukan kerja-kerja rumah di sini.

TONASI WARNA LEMBUT SEMULAJADI DAN KEMASAN PERABOT KAYU SERTA ROTAN MENGUNGKAP DEFINISI KONSEP NATURAL UNTUK KESELURUHAN RUMAH. SUSUN ATUR PERABOT YANG LONGGAR PULA MENJADIKAN RUANG LEBIH PRAKTIKAL DAN SELESA.





Bukan seperti tingkap menampakkan terus bahagian dapur dari ruang tamu. Perkakasan dapur disusun kemas dan sederhana jumlahnya supaya tidak nampak semak. Kebanyakan barangan dapur disimpan kemas di dalam kabinet.





PEMILIHAN FABRIK YANG SESUAI BANYAK MEMBANTU UNTUK MENYEMPURNAKAN TATHIAS DI DALAM RUANG. FABRIK BERWARNA LEMBUT DAN BERMOTIF DAUN MENYERLAHKAN GAYA ETNIK DI KAMAR UTAMA APARTMEN INI.



KONSEP NATURAL DI KAMAR BERADU

Gaya sederhana dan bersahaja mewujudkan suasana tenang dan menyenangkan apabila melangkah ke bilik tidur utama. Tonasi coklat dan beige yang merealisasikan konsep natural disesuaikan dengan kemasan perabot kayu. Tingkap dihiasi bidai Roman yang menggunakan fabrik serupa dengan kemasan katil dalam warna lembut bermotif daun. Kusen kecil dan sehelai bed runner berwarna merah yang diletakkan di atas katil memberi pengaruh penting untuk menambahkan warna bagi ruang ini.

Keluasan yang terhad hanya membenarkan bilangan perabot minima mengisi ruang kamar utama ini. Gaya hias tambah berseri dengan kehadiran lukisan jambangan heliconia yang menghiasi dinding di atas kepala katil. Malah, hampir di setiap rumah ini, ruang dindingnya dihiasi lukisan jam-

banan heliconia indah pelbagai rupa dan warna, hasil sentuhan pelukis Mohd Yusof Mahadi.

Menjenguk ke bilik tidur kedua, gaya dan permainan warna sedikit berbeza. Disesuaikan dengan peranannya sebagai bilik tidur untuk anak remaja, suasana riang dan bersemangat cuba diwujudkan melalui pemilihan warna cerah seperti kuning. Sebuah katil bujang yang diserikan oleh cadar bercorak jalur dan almari berlaci mengisi ruang lantai bilik ini.

Tidak banyak gambar persekitaran luar yang boleh dirakamkan. Memandangkan kawasan perumahan baru, lanskap juga masih muda. Tidak ada pohon besar atau pokok-pokok hijau yang menaungi kawasan ini. Cuaca terik juga agak mengganggu sesi fotografi di bahagian luar apartmen ini. 🌞



1. Bilik kanak-kanak diberi sentuhan lebih ceria dan agresif, sesuai dengan jiwa bebas mereka. Pemilihan perabot bersaiz kecil dan sedikit memberi manfaat yang lebih kepada ruang.
2. Penggunaan warna-warna lembut diteruskan ke bilik tetamu. Kemasan katil daripada fabrik polos dan bercorak kecil menampilkan kesederhanaan pada tatahias bilik ini.

1 | 21

